



**PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH
JALAN KOLAM AIR
05100 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN**

IKLAN JAWATAN

1. Jawatan : Pembantu Perpustakaan
Badan Berkanun : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah
Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan
Jumlah Kekosongan : 1
Taraf : Sementara
2. Gaji S17 RM928.00
3. Syarat Lantikan
 - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia; berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan
 - Calon hendaklah lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah diperingkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan atau;
 - Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
 - Memenuhi syarat Bahasa Melayu, sama ada Kepujian atau Lulus, dan subjek-subjek tertentu sepertimana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.
 - Keutamaan diberi kepada pemegang sijil/diploma perakaunan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Cara Memohon
 - Permohonan hendaklah dikemukakan berserta *resume* dan salinan Sijil Persekolahan, Surat Beranak dan lain-lain dokumen berkaitan jika ada dan dihantar kepada :

**PENGARAH
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KEDAH
JALAN KOLAM AIR
05100 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN**

CATATAN :-

- a) Jabatan ini tidak akan menanggung sebarang perbelanjaan kerana menghadiri temuduga;
- b) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga;
- c) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (6) bulan daripada tarikh iklan ini hendaklah menganggap yang permohonannya tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 31 OGOS 2014